

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 13 OKTOBER 2015 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	MOSTI gesa penggiat PKS bekerjasama dengan MIMOS	Utusan Malaysia
2	'Kepala mayat seperti dicukur'	Berita Harian
3	Mayat, rangka kanak-kanak dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian DNA	Bernamea.com
4	Pembenihan awan di Johor tampung air Empang	Bernamea.com
5	Kesedaran pengguna mengenai standard produk dan perkhidmatan penting	Bernamea.com

## MOSTI gesa penggiat PKS bekerjasama dengan MIMOS

**KUALA LUMPUR 12 Okt.** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggesa penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bekerjasama dengan MIMOS Berhad bagi memajukan bidang bioteknologi.

Menterinya, **Datuk Seri Madius Tangau** berkata, syarikat di bawah MOSTI itu menyediakan dana dan kemudahan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan termasuk dalam bidang teknologi tanaman.

Katanya, bidang itu amat sesuai diceburi pada masa kini kerana kebanyakan teknologi dan tenaga pakar yang menyokongnya datang dari dalam negara.

"MOSTI menggalakkan golongan PKS bekerjasama dengan MIMOS Berhad bagi menjalin kerjasama dalam bidang bioteknologi dan kemudahan seperti inkubator disediakan dengan sedikit kadar bayaran dikenakan.

"Ini adalah hasrat kementerian bagi melahirkan lebih ramai juara dalam kluster teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kerajaan masih lagi mengenal pasti golongan ini untuk diketengahkan di peringkat global," katanya dalam sidang akhbar selepas pelancaran *Technology Preview: MyTech Forum 2015* di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamed Radzi dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Menurut Tangau, selain menawarkan insentif, MOSTI juga mempunyai jaringan kerjasama dengan SME Corporation Malaysia (SME Corp.) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dalam usaha membantu usahawan terbabit.

"Sebelum ini, kementerian telah menghantar 280 penggiat bioteknologi bagi men-

apatkan latihan di Universiti Oxford dan kementerian mahu lebih ramai juara dunia dalam bidang ini.

"Justeru, melalui inisiatif ini, diharapkan lebih ramai PKS yang tampil membuat permohonan dengan menulis surat bagi mengembangkan lagi kerjasama dengan MIMOS Berhad," ujarnya.

Dalam majlis itu, dua memorandum persefahaman (MoU) dijalin antara MIMOS Berhad dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) serta Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi memperkasakan teknologi maklumat.



**MADIUS TANGAU**

KES MURID ORANG ASLI HILANG

# 'Kepala mayat seperti dicukur'

» Penyelamat terkejut melihat keadaan mayat Sasa selepas ditemui

Oleh Azman Mahmod, Ramli Ibrahim, Siti Rohana Idris dan Siti Nadzirah Che Mud  
bhkb@bh.com.my

► Gua Musang

Walaupun misteri kehilangan tujuh kanak-kanak Orang Asli sejak 23 Ogos lalu bakal terhurai apabila enam daripada mereka, termasuk dua rangka ditemui, namun yang menimbulkan persoalan apabila mayat Sasa Sobrie, 8, ditemui dalam keadaan berkepala botak dan tiada kening.

Mayat Sasa yang ditemui jam 7 petang, Rabu lalu, adalah mangsa pertama dijumpai di tebing Sungai Perias di sini, kira-kira 500 meter dari Pos Tohoi, yang kemudian menjadi petunjuk kepada pasukan penyelamat untuk me-



Anggota Penyelamat meneruskan usaha mencari baki tujuh kanak-kanak yang hilang di Pos Tohoi.

(FOTOPHARIS MOHD/BH)

ngesan lima rakannya yang lain.

Kepala mangsa dikatakan ditemui botak seolah-olah dicukur selain tiada kening. Berdasarkan bedah siasat yang dijalankan pihak hospital mengesahkan mangsa meninggal dunia dua minggu sebelum mayatnya ditemui.

Penyelamat yang terbabit dalam operasi mencari dan mengeluarkan mangsa memberitahu BH, dia juga turut terkejut melihat keadaan mangsa yang botak.

"Saya bersyukur akhirnya mayat Sasa ditemui, namun pelik kenapa rambut dan keningnya botak seolah-olah ada orang mencukur rambutnya, namun saya menyerahkan perkara itu kepada polis," katanya.

Sebagai anggota pasukan penyelamat yang ada pengalaman berhadapan tugas mencari mangsa lemas, beliau berkata, sekiranya mangsa sudah mati lebih dua minggu, rambutnya tidak

akan licin sehingga tiada kening.

"Sekiranya rambut mangsa tersangkut di ranting pokok sekali lipun, ia akan tercabut dengan kulit kepala, namun apa yang menimbulkan persoalan kulit kepala Sasa dalam keadaan baik," katanya.

**Aktiviti pemulihan**

Sementara itu, Noreen Yaakob, 10, dan Mirsudiar Alui, 11, yang dirawat di Hospital Raja Perem-

puan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu akan diberi aktiviti pemulihan sepanjang berada di hospital berkenaan.

Noreen dan Mirsudiar yang semakin sihat selepas menerima rawatan di hospital itu sejak dijumpai, Rabu lalu, adalah dua mangsa yang ditemui terselamat selepas 48 hari sesat dalam hutan.

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan/Terengganu, Nik Man Nik Ya, berkata kedua-dua mangsa juga menerima rawatan untuk melupakan trauma yang menimpa mereka.

"Pengisian juga membabitkan latihan menulis, membaca, mengira dan mewarna supaya mental mereka kembali pulih walaupun ia mungkin mengambil masa sedikit," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim, berkata polis menghantar dua mayat dan dua rangka yang ditemui di hutan Pos Tohoi ke Jabatan Kimia Shah Alam, malam kelmarin, untuk ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Beliau berkata, ujian DNA akan mengesahkan identiti mayat dan rangka yang ditemui itu dan sekali gus tidak mengelirukan keluarga untuk mengebumikan anak masing-masing.



## Mayat, Rangka Kanak-kanak Dihantar Ke Jabatan Kimia Untuk Ujian DNA

GUA MUSANG, 12 Okt (Bernama) -- Dua mayat dan dua rangka kanak-kanak yang dipercayai murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi yang ditemui berasingan sejak Rabu lepas, telah dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor malam tadi bagi menjalani ujian DNA.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata walaupun ada keluarga mendakwa telah mengenal pasti rangka yang ditemui adalah anak mereka selepas pengecaman awal dibuat, namun ujian DNA perlu dilakukan bagi pengesahan dengan lebih tepat.

"**Jabatan Kimia** juga memberi komitmen untuk menjalankan ujian DNA dengan segera dan keputusan akan dimaklumkan dalam masa terdekat ini," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Gua Musang di sini, hari ini.

Hadir sama Komandan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Tohoi yang juga Ketua Polis Daerah Supt Saiful Bahri Abdullah.

Miksudiar Aluj, 11, dan Norieen Yaakob, 10, ditemui selamat oleh pasukan SAR pada Jumaat lepas, manakala Sasa Sobrie, 8, dan Ika Ayel, 9, disahkan meninggal dunia oleh anggota keluarga.

Dua rangka yang ditemui masih belum dikenal pasti manakala seorang lagi mangsa masih belum ditemui.

Mereka ialah Linda Rosli, 8, Haikal Yaakob, 8, dan Juvina David, 7.

Tujuh murid berkenaan dilaporkan melarikan diri dari asrama sekolah pada 23 Ogos lepas kerana takut dikenakan tindakan oleh guru kerana mandi di sungai berdekatan tanpa kebenaran.

Ditanya mengenai usaha pencarian seorang lagi mangsa, beliau berkata ia akan diteruskan dengan operasi bermula seawal 9 pagi pada setiap hari.

"Setakat ini kita mempunyai kira-kira 250 anggota SAR dan ia mencukupi.. tak perlu penambahan anggota mahupun aset.

"Saya turut nasihatkan orang ramai supaya tidak membuat tohmahan terhadap pasukan SAR kerana tindakan berkenaan hanya akan menjatuhkan moral pasukan," katanya.

